

PRIVACY POLICY

DASAR PRIVASI

TMC Life Sciences Berhad and its subsidiary and related companies, including but not limited to, Thomson Hospitals Sdn Bhd (formerly known as Tropicana Medical Centre (M) Sdn Bhd), TMC Women's Specialist Holdings Sdn Bhd, IVF Technologies Sdn Bhd, TMC Fertility Holdings Sdn Bhd, Thomson Specialist Clinics (Kepong) Sdn Bhd, TMC Fertility (Penang) Sdn Bhd, TMC Fertility (Ipoh) Sdn Bhd, TMC Fertility South Sdn Bhd, TMC Lifestyle Sdn Bhd, TMC Properties Sdn Bhd, Thomson TCM Sdn Bhd (formerly known as TMC Women's Specialist (Kuantan) Sdn Bhd), TMC Care Sdn Bhd and BB Waterfront Sdn Bhd (collectively referred to as "TMC Group", "we" or "us") respect and are committed to the protection of your personal information and your privacy. This Privacy Notice explains how we collect and handle your personal information in accordance with the Malaysian Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA"). By using this website and/or providing your personal information to us, you are consenting to this Privacy Notice.

TMC Life Sciences Berhad dan subsidiarinya serta syarikat yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Thomson Hospitals Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Tropicana Medical Centre (M) Sdn Bhd), TMC Women's Specialist Holdings Sdn Bhd, IVF Technologies Sdn Bhd, TMC Fertility Holdings Sdn Bhd, Thomson Specialist Clinics (Kepong) Sdn Bhd, TMC Fertility (Penang) Sdn Bhd, TMC Fertility (Ipoh) Sdn Bhd, TMC Fertility South Sdn Bhd, TMC Lifestyle Sdn Bhd, TMC Properties Sdn Bhd, Thomson TCM Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai TMC Women's Specialist (Kuantan) Sdn Bhd), TMC Care Sdn Bhd dan BB Waterfront Sdn Bhd (secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan TMC", "kami" atau "kita") menghormati dan komited terhadap perlindungan maklumat peribadi anda dan privasi anda. Notis Privasi ini menerangkan cara kami mengumpul dan mengendalikan maklumat peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia ("APDP"). Dengan menggunakan laman web ini dan/atau memberikan maklumat peribadi anda kepada kami, anda bersetuju kepada Notis Privasi ini.

This Privacy Notice may be reviewed and amended from time to time. The updated version of the Privacy Notice shall apply and supersede any and all previous versions, including but not limited to, leaflets or hard copy versions. Please check our website for information on our most up-to-date notice.

Notis Privasi ini boleh disemak dan dipinda dari semasa ke semasa. Versi Notis Privasi yang dikemaskinikan hendaklah terpakai dan menggantikan mana-mana dan semua versi terdahulu, termasuk tetapi tidak terhad kepada, risalah atau versi salinan cetak. Sila semak laman web kami untuk maklumat mengenai notis kami yang paling terkini.

1. Personal information

1. Maklumat peribadi

1.1 Types of personal information

1.1 Jenis maklumat peribadi

Personal information means any information which relates to you and which was collected or provided to TMC Group for the purposes stated in Section 2 below.

Maklumat peribadi bermaksud apa-apa maklumat yang berkaitan dengan anda dan yang dikumpulkan atau diberikan kepada Kumpulan TMC untuk tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 di bawah.

Your personal information may include your name, NRIC number, contact details, financial and banking account details, medical history and information, information in audio and/or video format (including voice, video recording, closed-circuit television (“CCTV”) or security recording), images (including photographs), biometric information and location tracking/GPS information.

Maklumat peribadi anda boleh termasuk nama anda, nombor kad pengenalan, butiran perhubungan, butiran akaun kewangan dan perbankan, sejarah dan maklumat perubatan, maklumat dalam format audio dan/atau video (termasuk suara, rakaman video, televisyen litar tertutup (“CCTV”) atau rakaman keselamatan), imej (termasuk gambar), maklumat biometrik dan maklumat penjejakan lokasi/GPS.

1.2 Source of personal information

1.2 Sumber maklumat peribadi

- (i) Patient or customer: TMC Group collects your personal information directly from you or indirectly from your legal representatives (e.g. family members, next of kin and parent, guardian or person who has parental responsibility on you if you are under the age of 18), agents (e.g. medical tourism agents) and/or employer when you, your legal representatives, agents and/or employers send us completed enquiry, application and/or registration forms via various means, including online and physical hardcopies at public venues or in our premises. Your personal information may also be collected from cookies through the use of our website.
- (i) *Pesakit atau pelanggan: Kumpulan TMC mengumpul maklumat peribadi anda secara langsung daripada anda atau secara tidak langsung daripada wakil di sisi undang-undang anda (contohnya, ahli keluarga, waris kadim dan ibu bapa, penjaga atau orang yang mempunyai tanggungjawab ibu bapa ke atas anda jika anda berumur di bawah 18 tahun), ejen (contohnya, ejen pelancongan perubatan) dan/atau majikan apabila anda, wakil di sisi undang-undang, ejen dan/atau majikan anda menghantar kepada kami borang pertanyaan, permohonan dan/atau borang pendaftaran yang lengkap melalui pelbagai kaedah, termasuk dalam talian dan salinan cetak fizikal di tempat awam atau di premis kami. Maklumat peribadi anda boleh juga dikumpul daripada kuki melalui penggunaan laman web kami.*
- (ii) Independent consultants or potential independent consultants: TMC Group collects your personal information directly from you or indirectly from third parties (for example, via background checks), headhunters when you and/or our headhunters send us completed enquiry and/or application forms or curriculum vitae via various means, including online and

physical hardcopies. Your personal information may also be collected from cookies through the use of our website.

- (ii) *Konsultan bebas atau konsultan bebas yang berpotensi: Kumpulan TMC mengumpul maklumat peribadi anda secara langsung daripada anda atau secara tidak langsung daripada pihak ketiga (sebagai contohnya, melalui semakan latar belakang), 'headhunter' apabila anda dan/atau 'headhunter' kami menghantar kepada kami borang pertanyaan dan/atau borang permohonan atau vitae kurikulum melalui pelbagai kaedah, termasuk dalam talian dan salinan cetak fizikal. Maklumat peribadi anda boleh dikumpul daripada kuki melalui penggunaan laman web kami.*
- (iii) Vendor, supplier or service provider: TMC Group collects your personal information directly from you or indirectly from your employer or third parties including but not limited to credit reference agencies when tendering for projects, when you send us completed enquiry and/or credit application forms via various means, including online and physical hardcopies. Your personal information may also be collected from cookies through the use of our website.
- (iii) *Penjual, pembekal atau pembekal perkhidmatan: Kumpulan TMC mengumpul maklumat peribadi anda secara langsung daripada anda atau secara tidak langsung daripada majikan anda atau pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi rujukan kredit apabila mengemukakan tender untuk projek, apabila anda menghantar kepada kami borang pertanyaan dan/atau borang permohonan kredit melalui pelbagai kaedah, termasuk atas talian dan salinan cetak fizikal. Maklumat peribadi anda boleh dikumpul daripada kuki melalui penggunaan laman web kami.*

1.3 Obligatory personal information

1.3 Maklumat peribadi wajib

All information requested for in the relevant forms is obligatory to be provided by you unless stated otherwise.

Semua maklumat yang diminta dalam borang yang berkaitan adalah wajib diberikan oleh anda melainkan dinyatakan sebaliknya.

Should you fail to provide the obligatory information, we may be unable to provide you with the relevant services or continue our dealings with you.

Sekiranya anda gagal memberikan maklumat wajib, kami berkemungkinan tidak dapat menyediakan perkhidmatan yang berkaitan kepada anda atau meneruskan urusan kami dengan anda.

You are responsible to provide correct and complete information to us and any other person whose personal information you provide us and to update this personal information from time to time when required or necessary.

Anda bertanggungjawab untuk memberikan maklumat yang betul dan lengkap kepada kami dan mana-mana orang lain yang maklumat peribadinya anda berikan kepada kami dan untuk mengemaskini maklumat peribadi ini dari semasa ke semasa apabila dikehendaki atau diperlukan.

If at any time you provide us with personal information about another person, you shall ensure that you are authorised to do so.

Jika pada bila-bila masa anda memberikan kami maklumat peribadi mengenai orang lain, anda hendaklah memastikan bahawa anda adalah diberikuasa untuk berbuat demikian.

2. Purposes of collecting and further processing (including disclosing) your personal information

2. Tujuan pengumpulan dan pemprosesan lanjut (termasuk mendedahkan) maklumat peribadi anda

Your personal information is collected and further processed by TMC Group as required or permitted by law and to give effect to your requested commercial transaction, including the following:

For patients or potential patients/customers:

- to process your requested medical services and related purposes;
- to establish and manage medical records and medical reports;
- to facilitate payment process relating to the patients;
- to institute debt recovery proceedings;
- to facilitate your participation in any contests, events or membership programmes;
- to administer and communicate with you in relation to our services and/or events;
- to monitor utilization of membership benefits;
- for purposes related to insurance, appointed third party administrators and/or managed care organizations appointed by your insurers or employers;
- to respond to inquiries from you;
- to facilitate overseas patients' personal requirements (for example visa applications);
- for submission and registration of relevant forms, licenses to the relevant regulatory authorities and/or third parties under any governing laws relevant to the healthcare industries;
- for the purposes of banking facilities, banking and other financial transactions, legal advice and audit;
- to conduct surveys, research and analysis including but not limited to internal and external statistical analysis, analysis of patient case studies;
- to contact you regarding TMC Group's products, services, upcoming events, promotions, advertising, marketing and commercial materials which we may feel interest you; and/or
- such other purposes related or incidental to the above.

Maklumat peribadi anda dikumpul dan diproses selanjutnya oleh Kumpulan TMC seperti yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang dan untuk memberi kesan kepada transaksi komersial yang diminta oleh anda, termasuk yang berikut:

Bagi pesakit atau pesakit/pelanggan berpotensi:

- *untuk memproses perkhidmatan perubatan yang diminta oleh anda dan tujuan berkaitan;*
- *untuk menubuhkan dan mengurus rekod perubatan dan laporan perubatan;*
- *untuk memudahkan proses pembayaran yang berkaitan dengan pesakit;*
- *untuk memulakan tindakan pengutipan hutang;*
- *untuk memudahkan penyertaan anda dalam sebarang pertandingan, acara atau program keahlian;*
- *untuk mentadbir dan berkomunikasi dengan anda berhubung dengan perkhidmatan dan/atau acara kami;*
- *untuk memantau penggunaan faedah keahlian;*
- *untuk tujuan yang berkaitan dengan insurans, pentadbir pihak ketiga yang dilantik dan/atau organisasi penjagaan terurus yang dilantik oleh penanggung insurans atau majikan anda;*
- *untuk menjawab pertanyaan daripada anda;*
- *untuk memudahkan keperluan peribadi pesakit luar negara (sebagai contohnya permohonan visa);*
- *untuk penyerahan dan pendaftaran borang yang berkaitan, lesen kepada pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan dan/atau pihak ketiga di bawah mana-mana undang-undang yang mengawal yang berkaitan dengan industri penjagaan kesihatan;*
- *untuk tujuan kemudahan perbankan, perbankan dan transaksi kewangan lain, nasihat perundangan dan audit;*
- *untuk menjalankan tinjauan, penyelidikan dan analisis termasuk tetapi tidak terhad kepada analisis statistik dalaman dan luaran, analisis kajian kes pesakit;*
- *untuk menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan, acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan komersial Kumpulan TMC yang kami rasa mungkin menarik minat anda; dan/atau*
- *tujuan lain yang berkaitan atau bersampingan dengan perkara di atas.*

For independent consultants, potential independent consultants:

- to facilitate your medical practice within TMC Group, including sharing your personal data with other independent consultants within TMC Group for purposes of peer review;
- to carry out reference checks, background checks, security and credit checks;
- to respond to inquiries from you;
- to carry out human resource management and administrative processes;
- to administer and respond to request, queries, complaints and legal issues;

- to carry out education and training;
- for the purposes of banking facilities, legal advice and audit;
- to administer and communicate with you in relation to your medical practice;
- to conduct research and analysis including but not limited to internal and external statistical analysis and analysis of patient case studies; and/or
- such other purposes related or incidental to the above.

Bagi konsultan bebas atau konsultan bebas berpotensi:

- *untuk memudahkan amalan perubatan anda dalam Kumpulan TMC, termasuk berkongsi data peribadi anda dengan konsultan bebas lain dalam Kumpulan TMC untuk tujuan semakan rakan sebaya;*
- *untuk menjalankan semakan rujukan, semakan latar belakang, semakan keselamatan dan kredit;*
- *untuk menjawab pertanyaan daripada anda;*
- *untuk menjalankan pengurusan sumber manusia dan proses pentadbiran;*
- *untuk mentadbir dan menjawab permintaan, pertanyaan, aduan dan isu undang-undang;*
- *untuk menjalankan pendidikan dan latihan;*
- *untuk tujuan kemudahan perbankan, nasihat perundangan dan audit;*
- *untuk mentadbir dan berkomunikasi dengan anda berhubung dengan amalan perubatan anda;*
- *untuk menjalankan penyelidikan dan analisis termasuk tetapi tidak terhad kepada analisis statistik dalaman dan luaran dan analisis kajian kes pesakit; dan/atau*
- *tujuan lain yang berkaitan atau bersampingan dengan perkara di atas.*

For vendors, suppliers or service providers:

- to commence a business relationship with us (for example, as a vendor, service provider or a business partner);
- to conduct background checks, security checks, credit checks and reference checks;
- to process your credit account application;
- to assess your credit worthiness;
- to administer and respond to request, queries, complaints and legal issues;
- to carry out education and training;
- to institute debt recovery proceedings;
- for the purposes of banking facilities, legal advice and audit;
- to administer and give effect to your commercial transaction (tender award, contract for service, consignment agreement);
- to process any payments relevant to you; and/or
- such other purposes related or incidental to the above.

Bagi penjual, pembekal atau pembekal perkhidmatan:

- *untuk memulakan hubungan perniagaan dengan kami (sebagai contohnya,*

- sebagai seorang penjual, pembekal perkhidmatan atau rakan kongsi perniagaan);*
- *untuk menjalankan semakan latar belakang, semakan keselamatan, semakan kredit dan semakan rujukan;*
 - *untuk memproses permohonan akaun kredit anda;*
 - *untuk menilai kelayakan kredit anda;*
 - *untuk mentadbir dan menjawab permintaan, pertanyaan, aduan dan isu undang-undang;*
 - *untuk menjalankan pendidikan dan latihan;*
 - *untuk memulakan prosiding pengutipan hutang;*
 - *untuk tujuan kemudahan perbankan, nasihat perundangan dan audit;*
 - *untuk mentadbir dan memberi kesan kepada transaksi komersial anda (pemberian tender, kontrak perkhidmatan, perjanjian konsainan);*
 - *untuk memproses sebarang pembayaran yang berkaitan dengan anda; dan/atau*
 - *tujuan lain yang berkaitan atau bersampingan dengan perkara di atas.*

For all individuals:

- to operate our premises in a manner which is physically safe, secure and befitting of health and safety requirements including but not limited to monitoring CCTV;
- for administrative, internal investigations, audit or security purposes;
- to comply with TMC Group's legal and regulatory obligations in the conduct of its business;
- to administer and respond to request, queries, complaints and legal issues;
- to ensure that the content from our website is presented in the most effective manner for you and for your computer and/or device through tracking via cookies and other similar tools;
- for TMC Group's internal record management; and/or
- such other purposes related or incidental to the above.

Bagi semua individu:

- *untuk mengendalikan premis kami dengan cara yang selamat dari segi fizikal, terjamin dan bersesuaian dengan keperluan kesihatan dan keselamatan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemantauan CCTV;*
- *untuk pentadbiran, penyiasatan dalaman, audit atau tujuan keselamatan;*
- *untuk mematuhi obligasi undang-undang dan kawal selia Kumpulan TMC dalam menjalankan perniagaannya;*
- *untuk mentadbir dan menjawab permintaan, pertanyaan, aduan dan isu undang-undang;*
- *untuk memastikan bahawa kandungan daripada laman web kami dipersembahkan dengan cara yang paling berkesan untuk anda dan untuk komputer dan/atau peranti anda melalui penjejakan melalui kuki dan alatan lain yang serupa;*
- *untuk pengurusan rekod dalaman Kumpulan TMC; dan/atau*
- *tujuan lain yang berkaitan atau bersampingan dengan perkara di atas.*

Where you have indicated your consent to receiving marketing or promotional updates from TMC Group, you may opt-out from receiving such marketing or promotional material at any time. You may also contact TMC Group at the details provided in Section 7 below. Your latest written instructions to us will prevail.

Di mana anda telah menyatakan persetujuan anda untuk menerima kemaskini pemasaran atau promosi daripada Kumpulan TMC, anda boleh menarik persetujuan untuk menerima bahan pemasaran atau promosi tersebut pada bila-bila masa. Anda boleh menghubungi Kumpulan TMC melalui butiran yang disediakan di Seksyen 7 di bawah. Arahan bertulis terkini anda kepada kami akan digunapakai.

3. Disclosure and transfer of personal information (within or outside of Malaysia)

3. Pendedahan dan pemindahan maklumat peribadi (di dalam atau di luar Malaysia)

3.1 Within TMC Group

3.1 Dalam Kumpulan TMC

Your personal information provided to us may be processed by entities (within or outside of Malaysia) within TMC Group (including related companies, subsidiaries, holding companies and associated companies).

Maklumat peribadi anda yang diberikan kepada kami boleh diproses oleh entiti-entiti (di dalam atau di luar Malaysia) dalam Kumpulan TMC (termasuk syarikat yang berkaitan, subsidiari, syarikat pemegangan dan syarikat bersekutu).

TMC Group will ensure that:

Kumpulan TMC akan memastikan bahawa:

- (i) access to your personal information is restricted to staff who are required to process your personal information in accordance with their respective job requirements; and
- (i) *akses kepada maklumat peribadi anda adalah terhad kepada kakitangan yang dikehendaki untuk memproses maklumat peribadi anda mengikut keperluan pekerjaan masing-masing; dan*
- (ii) only necessary information is released to the relevant employees.
- (ii) *hanya maklumat yang diperlukan dilepaskan kepada pekerja yang berkaitan.*

3.2 Classes of third parties

3.2 *Kelas pihak ketiga*

Your personal information may be disclosed or transferred to relevant third parties (within or outside of Malaysia) as required under the law, pursuant to relevant contractual relationship (for example, where we appoint third party service providers) or for the purposes stated in Section 2 above (or directly related to those purposes).

Maklumat peribadi anda boleh didedahkan atau dipindahkan kepada pihak ketiga yang berkaitan (di dalam atau di luar Malaysia) seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang, menurut hubungan kontrak yang berkaitan (contohnya, di mana kami melantik pembekal perkhidmatan pihak ketiga) atau untuk tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 di atas (atau berkaitan secara langsung dengan tujuan tersebut).

In the event of a potential, proposed or actual sale of business, disposal, acquisition, merger or re-organisation (“Transaction”), your personal information may be required to be disclosed or transferred to a third party as a result of the Transaction. You hereby acknowledge that such disclosure and transfer may occur and permit TMC Group to release your personal information (only as required) to the other party and its advisers/representatives.

Sekiranya terdapat penjualan, pelupusan, penggabungan atau penyusunan semula (“Transaksi”) yang berpotensi, dicadangkan atau sebenar, maklumat peribadi anda mungkin dikehendaki untuk didedahkan atau dipindahkan kepada pihak ketiga akibat daripada Transaksi. Anda dengan ini mengakui bahawa pendedahan dan pemindahan sedemikian boleh berlaku dan membenarkan Kumpulan TMC untuk melepaskan maklumat peribadi anda (hanya seperti yang diperlukan) kepada pihak lain dan penasihat/wakilnya.

Your personal information may be disclosed to the following classes of third parties:

- (a) The Ministry of Health (MOH) or any other statutory or non-statutory authorities or bodies having authority or jurisdiction established by the MOH and other relevant government departments, agencies, ministries, statutory or non-statutory authorities or bodies;
- (b) Relevant accreditation bodies such as the Malaysian Society for Quality in Health (MSQH);
- (c) Our independent consultants and specialists you have provided your personal information to;
- (d) Third party private healthcare institutions or government healthcare institutions;
- (e) Your insurers, the appointed third party administrators and managed care organizations by your insurers or employers;
- (f) In the case of pre-employment health screenings, to the patient’s employer/prospective employer;

- (g) Third parties appointed by us to provide services to us or on our behalf (such as accountants, auditors, lawyers, company secretary, debt collection agencies, private laboratories or diagnostic service providers, printing companies, consignment vendors, medical devices maintenance providers, data centres, information system vendors, contractors, agents, conference/event organisers and other advisers and services providers);
- (h) Parents and next of kin as permitted by you;
- (i) Financial institutions, credit/debit card issuers for the processing of payment;
- (j) The respective foreign embassies of foreign patients who received treatment in TMC Group;
- (k) Any related companies and subsidiaries of the TMC Group, including its holding/parent company, affiliates, associate companies, agents, representatives, service providers and business partners within and outside Malaysia, including those established in the future;
- (l) Any person for the purposes of legal demand, legal proceedings or arbitration;
- (m) Any person to whom we are compelled or required to do so under law, by court order or in response to a competent regulatory, law enforcement or government agency;
- (n) Any person where public interest or our interests require disclosure;
- (o) Any person seeking references or credit verifications;
- (p) Such sub-contractors or third party service or product providers as we may determine to be necessary or appropriate for the purposes set out in Section 2 above.

Maklumat peribadi anda boleh didedahkan kepada kepada kelas-kelas pihak ketiga berikut:

- (a) *Kementerian Kesihatan (KKM) atau mana-mana pihak berkuasa atau badan berkanun atau bukan berkanun lain yang mempunyai kuasa atau bidang kuasa yang ditubuhkan oleh KKM dan jabatan, agensi, kementerian, pihak berkuasa atau badan berkanun atau bukan berkanun yang berkaitan;*
- (b) *Badan akreditasi yang berkaitan seperti Persatuan Kualiti Kesihatan Malaysia (MSQH);*
- (c) *Konsultan dan pakar bebas kami yang telah anda berikan maklumat peribadi anda kepada;*
- (d) *Institusi penjagaan kesihatan swasta pihak ketiga atau institusi penjagaan kesihatan kerajaan;*
- (e) *Penanggung insurans anda, pentadbir pihak ketiga yang dilantik dan organisasi penjagaan terurus oleh penanggung insurans atau majikan anda;*
- (f) *Dalam kes pemeriksaan kesihatan pra-pekerjaan, kepada majikan/bakal majikan pesakit;*

- (g) Pihak ketiga yang dilantik oleh kami untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti akauntan, juruaudit, peguam, setiausaha syarikat, agensi kutipan hutang, makmal swasta atau pembekal perkhidmatan diagnostik, syarikat percetakan, penjual konsainan, pembekal penyelenggaraan peranti perubatan, pusat data, penjual sistem maklumat, kontraktor, ejen, penganjur persidangan/acara dan penasihat dan pembekal perkhidmatan lain);
- (h) Ibu bapa dan waris kadim yang dibenarkan oleh anda;
- (i) Institusi kewangan, pengeluar kad kredit/debit untuk pemprosesan pembayaran;
- (j) Kedutaan asing pesakit asing yang menerima rawatan dalam Kumpulan TMC;
- (k) Mana-mana syarikat yang berkaitan dan subsidiari Kumpulan TMC, termasuk syarikat pemegang/induknya, gabungan, syarikat bersekutu, ejen, wakil, pembekal perkhidmatan dan rakan kongsi perniagaan di dalam dan di luar Malaysia, termasuk yang ditubuhkan pada masa hadapan;
- (l) Mana-mana orang untuk tujuan tuntutan undang-undang, prosiding undang-undang atau timbang tara;
- (m) Mana-mana pihak yang kami terpaksa atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang, melalui perintah mahkamah atau sebagai tindak balas kepada agensi kawal selia, penguatkuasaan undang-undang atau kerajaan yang kompeten;
- (n) Mana-mana pihak di mana kepentingan awam atau kepentingan kami memerlukan pendedahan;
- (o) Mana-mana pihak yang memohon rujukan atau pengesahan kredit;
- (p) Sub-kontraktor atau pembekal perkhidmatan atau produk pihak ketiga seperti yang kami tentukan sebagai diperlukan atau sesuai untuk tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 di atas.

3.3 Right to data portability

3.3 Hak untuk mudah alih data

You have the right to receive a copy of your personal information in a readable format and the right to transmit that information to another data controller without hindrance from us where it is technically feasible and compatible to do so.

Anda mempunyai hak untuk menerima salinan maklumat peribadi anda dalam format yang boleh dibaca dan hak untuk memindahkan maklumat tersebut kepada pengawal data yang lain tanpa halangan daripada kami apabila ia secara teknikal boleh dilaksanakan dan serasi untuk berbuat demikian.

4. Websites

4. Laman Web

4.1 Links to other sites

4.1 Pautan ke laman web lain

Content on TMC Group's website may include links to third party websites. TMC Group is not responsible for the content on such linked third party websites and users should observe the separate privacy policies applicable to the respective third parties website.

Kandungan di laman web Kumpulan TMC boleh termasuk pautan ke laman web pihak ketiga. Kumpulan TMC tidak bertanggungjawab ke atas kandungan di laman web pihak ketiga yang dipautkan tersebut dan pengguna harus mematuhi dasar privasi berasingan yang terpakai pada laman web pihak ketiga berkenaan.

4.2 Cookies

4.2 Kuki

TMC Group may use cookies and similar information across our websites to improve their performance and enhance your user experience. Cookies are small text files which a website may put on your computer or mobile device when you first visit a site or page. In providing better personalized experience, the cookies will help the website or another website to recognize your device the next time you visit. Cookies can function to remember your username and preferences or to analyse how TMC Group's website is performing.

Kumpulan TMC boleh menggunakan kuki dan informasi serupa di seluruh laman web kami untuk meningkatkan prestasi laman web dan meningkatkan pengalaman pengguna anda. Kuki ialah fail teks kecil yang laman web boleh letakkan pada komputer atau peranti mudah alih anda apabila anda pertama kali melawat laman atau halaman. Dalam memberikan pengalaman peribadi yang lebih baik, kuki akan membantu laman web atau laman web lain untuk mengiktiraf peranti anda pada lawatan seterusnya. Kuki boleh berfungsi untuk mengingat nama pengguna dan keutamaan anda atau untuk menganalisis prestasi laman web Kumpulan TMC.

Certain cookies contain personal data – for example, if you click to “remember me” when logging in, a cookie will store your username. Most cookies won't collect information that identifies you, and will instead collect more general information such as how users arrive at and use our websites, or a user's general location.

Sesetengah kuki mengandungi data peribadi – sebagai contohnya, jika anda mengklik untuk "remember me" semasa log masuk, kuki akan menyimpan nama pengguna anda. Kebanyakan kuki tidak akan mengumpul maklumat yang mengenalpasti anda, dan sebaliknya akan mengumpulkan maklumat yang lebih umum seperti cara pengguna tiba dan menggunakan laman web kami, atau lokasi umum pengguna.

Where personal data is collected, such personal data will only be used for its intended purposes only, i.e., to respond to your message or deliver the requested services.

Apabila data peribadi dikumpulkan, data peribadi tersebut hanya akan digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan sahaja, iaitu, untuk membalas mesej anda atau menghantar perkhidmatan yang diminta.

5. Right to access and correct personal information

5. Hak untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi

You have the right to access and correct your personal information held by us (subject always to certain exemptions). We will make every endeavour to ensure your personal information is accurate and up to date and therefore we ask that if there are changes to your information, you should notify us directly which otherwise we will not be able to update accordingly.

Anda mempunyai hak untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami (tertakluk selalu kepada pengecualian tertentu). Kami akan berusaha untuk memastikan maklumat peribadi anda adalah tepat dan terkini dan oleh itu kami meminta sekiranya terdapat perubahan pada maklumat anda, anda harus memaklumkan kami secara langsung yang jika tidak, kami tidak akan dapat mengemaskini dengan sewajarnya.

If you would like to access or correct your personal information, you may make a request by using the [Access Request Form](#) online or contact TMC Group at the details provided in Section 7 below.

Sekiranya anda ingin mengakses atau membetulkan maklumat peribadi anda, anda boleh membuat permintaan dengan menggunakan [Borang Permintaan Akses](#) (Access Request Form) dalam talian atau hubungi Kumpulan TMC pada butiran yang diberikan dalam Seksyen 7 di bawah.

For each data access request, prescribed fees may be levied and we may reject such request should the request fall under any exceptions in the PDPA or any other applicable law.

Bagi setiap permintaan akses data, bayaran yang ditetapkan boleh dikenakan dan kami boleh menolak permintaan tersebut sekiranya permintaan tersebut termasuk dalam mana-mana pengecualian dalam APDP atau mana-mana undang-undang lain yang terpakai.

6. Private Healthcare Facilities and Services Act 1998

6. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998

Please note that the manner in which TMC Group processes your personal data will be subject to other industry-specific laws and guidelines including the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 (“PHFSA”) and Ministry of Health guidelines. Under such circumstances, the requirements of these industry-specific laws and guidelines will prevail over the requirements of

the PDPA.

Sila ambil perhatian bahawa cara Kumpulan TMC memproses data peribadi anda akan tertakluk kepada undang-undang dan garis panduan khusus industri lain termasuk Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 ("PHFSA") dan garis panduan Kementerian Kesihatan.

For example, access to medical records will be in accordance with the PHFSA.

Sebagai contoh, akses kepada rekod perubatan akan mengikut PHFSA.

7. Limiting the processing of personal information, further enquiries and complaints

7. *Mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi, pertanyaan lanjut dan aduan*

If you wish to limit our use of your personal information, or you have any queries and concerns about the Privacy Notice or complaints in respect of your personal information, you may contact our Data Protection Officer at:

Email: PDPA@tmclife.com

Tel: +603-6287 1111 / 03-62871015

Address: TMC Life Sciences Berhad
Level 11, No. 11, Jalan Teknologi,
Taman Sains Selangor 1
PJU 5 Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Sekiranya anda ingin mengehadkan penggunaan maklumat peribadi anda, atau anda mempunyai sebarang pertanyaan dan kebimbangan mengenai Notis Privasi atau aduan berkenaan dengan maklumat peribadi anda, anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami:

E-mel: PDPA@tmclife.com

Tel: +603-6287 1111 / 03-62871015

*Alamat: TMC Life Sciences Berhad
Tingkat 11, No. 11, Jalan Teknologi,
Taman Sains Selangor 1
PJU 5 Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan*

8. Conflict

8. *Konflik*

This Privacy Notice is provided in English and Bahasa Malaysia. The English version prevails in the event there are any inconsistencies between the two versions.

Notis Privasi ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Versi Bahasa Inggeris digunapakai sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kedua-dua versi.

9. Specific section for European Union

9. *Seksyen khas untuk Kesatuan Eropah*

This section applies to data subjects who are subject to the European Regulation (EU) 2016/679, also known as the General Data Protection Regulation (GDPR).

Seksyen ini terpakai kepada subjek data yang tertakluk kepada Peraturan Eropah (EU) 2016/679, juga dikenali sebagai Peraturan Umum Perlindungan Data (GDPR).

Transfer

Your personal data may be transferred within or outside of Malaysia. When we do that, we shall endeavour to implement the appropriate administrative and security safeguards and procedures in accordance with the applicable laws and regulations to prevent the unauthorized or unlawful processing of your personal information and the accidental loss or destruction of, or damage to, your personal information.

Pemindahan

Data peribadi anda mungkin dipindahkan di dalam atau di luar Malaysia. Apabila kami berbuat demikian, kami akan berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah dan prosedur pentadbiran dan keselamatan yang sesuai mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk menghalang pemprosesan maklumat peribadi anda yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang dan kehilangan, kemusnahan atau kerosakan yang tidak disengajakan, atau kerosakan terhadap maklumat peribadi anda.

Storage and retention of personal information

Your personal information will not be kept longer than necessary. The length of time over which information may be retained is dependent upon the circumstances including why the personal information was obtained in the first place.

Penyimpanan dan pengekalan maklumat peribadi

Maklumat peribadi anda tidak akan disimpan lebih lama daripada yang diperlukan. Tempoh masa di mana maklumat boleh dikekalkan bergantung kepada keadaan termasuk tujuan maklumat peribadi diperolehi pada awalnya.

Right not to be subject to automated individual decision-making

You have the right not to be subject to a decision based solely on automated processing, including profiling, which produces legal effects concerning you or similarly significantly affects you unless it is necessary for entering into, or the performance of a contract between you and us or is authorized by applicable laws and regulations.

Hak untuk tidak tertakluk kepada pembuatan keputusan individu secara automatik

Anda mempunyai hak untuk tidak tertakluk kepada keputusan yang berdasarkan pemprosesan automatik semata-mata, termasuk pemprofilan, yang menghasilkan kesan undang-undang mengenai anda atau memberi kesan yang signifikansi terhadap anda melainkan ia diperlukan untuk memasuki, atau pelaksanaan kontrak antara anda dan kami atau dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Right to data portability

You have the right to receive a copy of your personal information in machine-readable format and the right to transmit that information to another controller without hindrance from us where it is technically feasible to do so.

Hak untuk mudah alih data

Anda mempunyai hak untuk menerima salinan maklumat peribadi anda dalam format yang boleh dibaca oleh mesin dan hak untuk memindahkan maklumat tersebut kepada pengawal lain tanpa halangan daripada kami apabila ia secara teknikal boleh dilakukan.

Right to erasure and object to processing

You have the right to request that we erase the personal information we hold about you or restrict the processing:

- (a) where it is no longer necessary for us to retain that personal information having regard to the purpose for which it was originally collected or processed;
- (b) where you withdraw consent to holding and processing personal information previously given to us;
- (c) where you object to us holding and processing your personal information and no overriding contractual obligations, legitimate interest or legal obligation permitting us to continue doing so exists.

Where you exercise your right to erase your personal information or restrict the processing, we will inform you of any valid grounds we may have to hold and process your personal information.

Hak untuk memadam dan membantah pemprosesan

Anda mempunyai hak untuk meminta kami memadamkan maklumat peribadi yang kami simpan mengenai anda atau menyekat pemprosesan:

- (a) *apabila ia tidak lagi diperlukan untuk kami mengekalkan maklumat peribadi itu dengan mengambil kira tujuan asal ia dikumpulkan atau diproses;*
- (b) *apabila anda menarik balik kebenaran untuk menyimpan dan memproses maklumat peribadi yang diberikan kepada kami sebelum ini;*

(c) apabila anda membantah kami daripada menyimpan dan memproses maklumat peribadi anda dan tiada kewajipan kontraktual yang mengatasi kepentingan sah atau kewajipan undang-undang yang membenarkan kami untuk terus berbuat demikian wujud.

Apabila anda melaksanakan hak anda untuk memadamkan maklumat peribadi anda atau menyekat pemprosesan, kami akan memaklumkan anda tentang sebarang alasan yang sah yang mungkin kami ada untuk menyimpan dan memproses maklumat peribadi anda.

Right to lodge complaints

You have the right to lodge complaints regarding TMC's data processing activities with the competent supervisory authority.

Hak untuk membuat aduan

Anda mempunyai hak untuk membuat aduan mengenai aktiviti pemprosesan data TMC kepada pihak penyeliaan berkuasa yang kompeten.